

Kesedaran Ibu Bapa dan Masyarakat Terhadap Kemahiran Berkomunikasi Menggunakan Bahasa Melayu dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli

Nor Asiah Ismail*, Hanida Kong Pek Yin & Aminuddin Mohamed

Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, 27200 Kuala Lipis, Pahang Darul Makmur, Malaysia

ABSTRAK

Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua yang perlu dipelajari oleh masyarakat Orang Asli sebagai bahasa untuk berkomunikasi. Penguasaan Bahasa Melayu bukanlah suatu proses yang mudah kerana masyarakat Orang Asli lebih selesa berkomunikasi menggunakan bahasa ibunda mereka sendiri. Dalam pembelajaran Bahasa Melayu untuk berkomunikasi ini, tahap kesedaran ibu bapa dan masyarakat sekitar dijadikan sebagai pemboleh ubah utama dalam kajian. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kesedaran ibu bapa dan masyarakat sekitar terhadap kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Sehubungan itu, reka bentuk kajian ialah kajian tinjauan secara kuantitatif yang melibatkan seramai 132 orang masyarakat Orang Asli yang sedang belajar dan pernah belajar di IPGKTAA dan IPGKIK. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang mempunyai 23 item dan diedarkan melalui platform *Google Form* kepada responden. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran ibu bapa dan masyarakat sekitar berada pada tahap yang tinggi terhadap kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Orang Asli berdasarkan nilai skor min, iaitu 4.147 bagi tahap kesedaran ibu bapa dan 4.614 bagi tahap kesedaran masyarakat sekitar. Kajian ini memberi impak kepada murid, ibu bapa, guru dan masyarakat Orang Asli serta pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu.

Kata Kunci: Orang Asli, Bahasa Melayu, Komunikasi, Ibu bapa, Masyarakat

ABSTRACT

Bahasa Melayu (Malay language) is a second native language that needs to be learned by the Orang Asli community (The Indigenous People) as a communication tool. Nevertheless, learning the language itself is not an easy process for them as the Orang Asli community prefers to speak in their native language which they feel more comfortable. During the Malay language learning process, the awareness of parents as well as the community became the main manipulating factors as portrayed in this study. Therefore, the purpose of this study was to investigate the level of awareness among parents and the community towards the communication ability in speaking Malay language among the Orang Asli society. In relation to above topic, the approached of the research was using a quantitative method which involved about 132 people from the Orang Asli community who are studying and had studied in IPGKTAA and IPGKIK. The instrument used in this study was a survey form that consists of 23 items and distributed via the *Google Form* platform to the respondents. The results illustrated that awareness among the parents and the community was at the high value on the communication ability using Malay language in the Orang Asli society which referred to the mean value, which 4.147 for the awareness of parents and 4.613 for the community awerenes. In conclusion, this study had given an impact towards students, parents, teacher and the Orang Asli community as well as the Ministry of Education in enhancing the mastery of Malay language.

Keywords: Orang Asli, Malay Language, Communication, Parents, Society

PENGENALAN

Kemahiran berkomunikasi ialah kemahiran untuk menyampaikan sesuatu maklumat (Noriati A. Rashid, Boon. P.Y., Sharifah Fakhriah Syed Ahmad & Zuraidah A. Majid, 2017), menyatakan bahawa komunikasi yang berkesan adalah apabila sesuatu mesej yang disampaikan dapat diterima oleh penerima dengan jelas. Selain itu, komunikasi juga ialah sesuatu yang berkaitan dengan kemahiran menerima mesej daripada penutur dan sesuatu

* Corresponding author: asiisma8@gmail.com

mesaj yang diterima pula perlu difahami oleh pendengar dan berupaya untuk memberikan tindak balas yang paling tepat walau dalam apa-apa jua keadaan. Dalam konteks kajian ini, kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu hanya difokuskan dalam kalangan masyarakat Orang Asli sahaja.

Nora'azian dan Fadzilah (2018), menyatakan bahawa dalam konteks menggunakan Bahasa Melayu untuk berkomunikasi bagi Orang Asli merupakan kemahiran tambahan dalam berbahasa dan mempunyai perbezaan yang ketara dengan kemahiran menggunakan bahasa ibunda. Penguasaan Bahasa Melayu a penting kerana Bahasa Melayu mempunyai pelbagai fungsi dan tujuan. Oleh itu, adalah amat penting bagi masyarakat Orang Asli untuk menguasai kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu.

Bahasa Melayu merupakan bahasa tambahan yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh masyarakat orang Asli. Masyarakat orang Asli pula merupakan bukan penutur jati Bahasa Melayu. Oleh itu, melalui kajian yang dijalankan oleh Fa'izah Abd. Mana, Mohamed Amin Embi dan Zamri Mahamod (2010) dalam Noor Azam dan Noraziah (2018) mengenai penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan penutur bukan Melayu, mendapati masalah utama penutur bukan Melayu ini adalah gagal menguasai kemahiran Bahasa Melayu dalam pertuturan harian pada tempoh yang ditetapkan. Kesukaran menguasai Bahasa Melayu dalam masyarakat orang Asli dari aspek berkomunikasi disebabkan oleh pelbagai faktor yang mengganggu kemahiran ini. Antaranya ialah perbezaan yang ketara dengan bahasa pertama atau bahasa ibunda masyarakat orang Asli.

A. Aziz Deraman (2017), menjelaskan fungsi Bahasa Melayu dalam Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan memaktubkan "Bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh parlimen". Perkara ini jelas menunjukkan bahawa Bahasa Melayu memiliki status bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi serta memduduki tempat yang penting di Malaysia. Menurutnya lagi, fungsi Bahasa Melayu untuk keperluan dalam negara adalah seperti menjadi bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, bahasa pengantar pendidikan, bahasa ekonomi, perniagaan, perdagangan dan industri, bahasa ilmu tinggi, sains dan teknologi. Justeru itu, penguasaan Bahasa Melayu adalah amat penting kepada orang Asli kerana Bahasa Melayu mempunyai pelbagai peranan seperti yang telah dinyatakan.

PERNYATAAN MASALAH

Murid Orang Asli mengalami masalah dalam menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa berkomunikasi di sekolah kerana mereka bukan penutur jati Bahasa Melayu. Perkara ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Shahidi et al. (2018), apabila terdapat golongan yang menghadapi masalah dalam menguasai Bahasa Melayu, iaitu masyarakat Orang Asli. Hal ini kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua yang perlu dikuasai oleh masyarakat Orang Asli. Pengaruh bahasa ibunda sering menjadi faktor kepada kegagalan penguasaan bahasa kedua.

Sebagai penutur bukan natif, Orang Asli lebih selesa untuk berkomunikasi menggunakan bahasa ibunda dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, apabila murid dilahirkan dalam keluarga yang berlatarbelakangkan komuniti dan budaya orang asli suku kaum Semai, maka bahasa pertama yang akan dipelajari ialah bahasa Semai. Cabaran ini cukup memberikan kesan terhadap pemerolehan bahasa kedua terutamanya bagi murid-murid yang kurang diberikan pendedahan dan tidak pernah berkomunikasi menggunakan bahasa lain selain bahasa ibunda. Oleh itu, kajian ini dibuat untuk melihat tahap kesedaran ibu bapa dan masyarakat sekitar dalam penguasaan kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat orang Asli.

Shahidi A.H, Nor Azwahanum Nor Shaid, Mohd Sharifudin Yusop, Marlyna Maros & Rahim Aman (2018) menyatakan bahawa masalah penguasaan Bahasa Melayu memberi pengaruh dalam pencapaian akademik dan seterusnya masa depan masyarakat orang Asli keseluruhannya. Kajian Sharifah Md Nor, Samsilah Roslan, Aminuddin Mohamed, Kamaruddin Hj Abu Hassan, Mohamad Azhar Mat Ali, & Jaimah Abdul Manaf (2011) dalam Shahidi A.H et al. (2018) mendapati hanya 30% murid orang Asli menamatkan sekolah menengah, manakala prestasi pencapaian UPSR bagi mata pelajaran teras pula mencatatkan hanya 61% murid sekolah orang Asli lulus berbanding purata peringkat kebangsaan 87%. Penarafan prestasi sekolah berasaskan Band Sekolah Berprestasi Rendah (Band 6 dan 7) berbanding 1% sekolah kebangsaan. Melihat kepada dapatan kajian ini, pengkaji merasakan keperluan untuk kajian ini dilaksanakan bagi memastikan masyarakat orang Asli dapat menguasai Bahasa Melayu.

Di Semenanjung Malaysia, cabaran-cabaran yang sering kali dialami oleh kanak-kanak Orang Asli merupakan rintangan bahasa. Hal ini kerana, mereka membesar dengan bahasa yang berbeza daripada bahasa yang diajar di sekolah (Akhbar Aliran, 2019. Shahidi et al. (2018), menyatakan bahawa masalah penguasaan Bahasa Melayu memberi pengaruh dalam pencapaian akademik dan masa depan masyarakat Orang Asli keseluruhannya. Melihat kepada dapatan kajian ini, pengkaji merasakan keperluan untuk kajian ini

dilaksanakan bagi memastikan masyarakat Orang Asli dapat menguasai Bahasa Melayu bukan sahaja untuk berkomunikasi malah untuk pelbagai tujuan.

Kesedaran Masyarakat Orang Asli di Malaysia

Tahap kesedaran ibu bapa dan masyarakat sekitar memberi kesan terhadap kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu dalam kalangan orang asli. Hal ini kerana, ibu bapa dan masyarakat sekitar merupakan individu yang berada di sekeliling kanak-kanak semasa mereka membesar. Menurut Portal Rasmi *MyHealth* Kementerian Kesihatan Malaysia (2014), kepentingan individu ini adalah untuk memberikan rangsangan bahasa kepada kanak-kanak. Hal ini kerana mereka merupakan sumber rujukan awal pembelajaran bahasa kanak-kanak. Noriati A. Rashid et al. (2017) menyatakan bahawa kemahiran berkomunikasi kanak-kanak berkembang apabila kanak-kanak menemui orang lain sama ada dalam keluarga, kejiranan atau semasa di sekolah. Hal ini kerana, kanak-kanak akan mula menyebut perkataan melalui pendengarannya dan seterusnya akan berlaku proses peniruan serta pada akhirnya kemahiran berkomunikasi dapat dikuasai oleh kanak-kanak.

Kesedaran ibu bapa dan masyarakat sekitar memainkan peranan utama dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu untuk berkomunikasi bagi masyarakat orang Asli. Hal ini kerana, Bahasa Melayu bukan sahaja dilihat penting dalam bidang berkomunikasi malah juga penting dalam pelbagai aspek lain kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan seperti yang telah termaktub dalam Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa untuk berkomunikasi dalam kalangan masyarakat orang Asli adalah penting untuk mereka. Tujuannya supaya masyarakat orang Asli dapat berhubung dengan dunia luar dan seterusnya mengubah pemikiran mereka untuk mengikuti arus pemodenan yang semakin mencabar ini dengan penguasaan Bahasa Melayu.

TUJUAN KAJIAN

Penyelidikan ini dilaksanakan untuk melihat kesedaran ibu bapa dan masyarakat terhadap kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

1. Untuk mengenal pasti tahap kesedaran ibu bapa terhadap kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Orang Asli.
2. Untuk mengenal pasti tahap kesedaran masyarakat sekitar terhadap kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang dipilih dan digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Kaedah tinjauan merupakan satu kaedah yang mudah dan popular yang sering dilakukan dalam mengkaji tentang sesuatu perkara yang berlaku. Kajian kes digunakan dalam kajian ini bagi membantu pengkaji memahami sesuatu fenomena secara terperinci dan mendalam serta menambahkan ilmu sedia ada dengan melihat hubungan antara pelbagai objek, elemen dan isu-isu sebaliknya berkaitan dengan fenomena yang diteliti (Noriah Mohd. Ishak et al., 2013). Oleh itu, penggunaan kaedah kajian kes membolehkan pengkaji mencungkil, merungkai dan meneroka strategi penerapan KBAT yang dijalankan oleh guru Bahasa Melayu dalam PdPc kemahiran menulis secara mendalam dan terperinci menerusi pemerhatian secara langsung di dalam bilik darjah (Noraini Idris, 2013; Jiani Jaman, 2015).

Berdasarkan Buku Panduan Penyelidikan Tinjauan (2018), metodologi kajian merupakan cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat mencapai objektif dan matlamat kajian. Reka bentuk yang dipilih oleh pengkaji ialah kajian tinjauan. Menurut Dayang dan Wan Muna (2017), pengumpulan data menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif ini melalui kaedah tinjauan melengkapkan proses analisis data yang memerlukan data yang banyak bagi mengukuhkan dapatan tersebut.

Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih masyarakat Orang Asli yang sedang belajar dan pernah belajar di IPGM sebagai populasi kajian yang dibataskan kepada masyarakat Orang Asli di dua buah IPG sahaja, iaitu seramai 195 orang dari Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang dan 3 orang dari Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur. Seterusnya, pengkaji memilih 132 daripada 198 masyarakat orang Asli dalam konteks kajian ini sebagai responden kajian sesuai dengan jadual penentuan saiz sampel yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) dalam Chew (2016).

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan adalah soal selidik yang di adaptasi berdasarkan pengubahsuaian daripada soal selidik kajian terdahulu oleh Dayang dan Wan Muna (2017). Instrumen yang terkandung dalam soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, data demografi responden, bahagian B ibu bapa dan bahagian C persekitaran. Soal selidik ini mengandungi 23 item secara keseluruhan. Bagi kesahan pula, pengkaji mendapatkan pengesahan daripada pakar bagi mengesahkan instrumen dalam borang soal selidik. Seterusnya, kebolehpercayaan menurut Mohd Faizal et al. (2017) yang telah memetik kata-kata Reber (1985), iaitu setiap pengkaji mesti menjalankan ujian kebolehpercayaan instrumen kerana kebolehpercayaan sangat penting bagi menguji dan menganalisis pemboleh ubah melalui pekali alpha. Oleh itu, dalam kajian rintis ini kebolehpercayaan kajian dilihat berdasarkan nilai Cronbach Alpha.

Kajian rintis telah dijalankan kepada 87 orang pelajar semester 2 Major Bahasa Melayu IPGKTAA. Responden yang terlibat dalam kajian rintis ini mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan responden sebenar iaitu berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu sama ada sebagai bahasa pertama mahupun sebagai bahasa kedua. Sebelum mula mengutip data untuk kajian ini, pengkaji telah memohon kebenaran untuk menjalankan kajian di bawah pensyarah kursus BMMB3173 Pelaporan Penyelidikan Pendidikan – Kertas Kerja kepada Pihak Hal Ehwal Pelajar IPGKTAA. Setelah itu, pengkaji telah menggunakan platform *Google form* untuk mengedarkan soal selidik kepada responden.

Pengkaji telah menggunakan borang Pengesahan Instrumen dan borang Akaun Menyemak Kesahan Kandungan Instrumen Soal Selidik untuk dinilai dan diperiksa oleh pakar. Seterusnya, kajian rintis dijalankan untuk menguji kebolehpercayaan setiap item soal selidik. Dalam kajian rintis, nilai pekali alpha melalui nilai Cronbach Alpha bagi kontrak ibu bapa ialah 0.873 dan bagi kontrak persekitaran ialah 0.862 yang menunjukkan kedua-dua kontrak ini pada tahap kebolehpercayaan yang baik. Setelah itu, pengkaji terus menjalankan kajian sebenar ke atas 132 orang sampel kajian mengikut persampelan secara rawak. Pengkaji mengedarkan borang soal selidik melalui platform *Google Form*. Keseluruhannya, dapatan kajian melalui data yang diperolehi dari responden melalui soal selidik kajian akan dianalisis menggunakan *SPSS Versi 23.0* berdasarkan analisis statistik deskriptif.

Kajian Rintis

Kajian rintis atau '*pilot study*' merupakan kajian secara kecil-kecilan yang dijalankan sebelum kajian sebenar dilakukan. Fungsi sebenar kajian rintis ialah untuk menguji dan membina keberkesanan alat kajian, menilai kebolehlaksanaan atau kemunasabahan kajian sebenar, membentuk cadangan dan garis kasar kajian, menilai kesesuaian reka bentuk kajian, menilai keberkesanan rangka dan teknik persampelan, mengenal pasti masalah, menganggarkan saiz sampel, menentukan jumlah kos, menilai keberkesanan teknik analisis kajian, menilai kesesuaian soalan kajian, membantu dari segi kelancaran dalam kajian dan membantu dari segi faktor luaran. Kajian rintis memberi peluang dan pengalaman kepada pengkaji memperbaiki segala kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam instrumen yang digunakan. Kajian rintis bukanlah bertujuan untuk mendapatkan data tetapi lebih kepada mempelajari proses melaksanakan kajian serta memperbaiki segala kelemahan dalam prosedur serta instrumen kajian yang dirangka.

Kajian rintis dijalankan ke atas 87 orang pelajar semester 2 major Bahasa Melayu Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang untuk menguji kebolehpercayaan setiap item soal selidik yang terdapat dalam *Google Form* bagi menentukan nilai pekali alpha melalui nilai Cronbach Alpha. Responden yang terlibat dalam kajian rintis ini mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan responden sebenar iaitu berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu sama ada sebagai bahasa pertama mahupun sebagai bahasa kedua. Terdapat pelajar bangsa Melayu, Cina, India, Peribumi dan Sabah Sarawak. Pelajar bukan peribumi dijadikan responden kajian rintis. Manakala pelajar peribumi disimpan sebagai responden untuk kajian sebenar. Oleh itu, responden dalam kajian rintis ini tidak akan dipilih lagi untuk menjadi responden dalam kajian sebenar.

Dalam kajian rintis nilai pekali alpha melalui nilai Cronbach Alpha bagi kontrak ibu bapa ialah 0.873 dan nilai pekali alpha melalui nilai Cronbach Alpha bagi konstruk persekitaran ialah 0.862 yang menunjukkan kedua-dua

konstruk ini pada tahap kebolehpercayaan yang baik iaitu nilai pekali kebolehpercayaannya ialah antara 0.80 hingga 0.89. Pengkaji merujuk Jadual Nilai Kebolehpercayaan sebagai panduan dalam menaksir kebolehterimaan instrumen kajian daripada segi kebolehpercayaan berasaskan nilai pekali kebolehpercayaan seperti yang tertera dalam Jadual 2.

JADUAL 1
Nilai Cronbach Alpha Instrumen Kajian Rintis

Pemboleh Ubah	Nilai Cronbach Alpha
Ibu bapa	0.873
Persekitaran	0.862

Berdasarkan Jadual 1, penganalisan kebolehpercayaan instrumen kajian bagi pemboleh ubah ibu bapa ialah 0.873, manakala kebolehpercayaan bagi pemboleh ubah persekitaran ialah 0.862. Kedua-dua nilai Cronbach Alpha bagi pemboleh ubah dalam kajian rintis ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang baik iaitu nilai pekali kebolehpercayaannya ialah antara 0.80 hingga 0.89.

Prosedur Pengumpulan Data

Pengkaji telah menggunakan platform *Google form* untuk mengedarkan soal selidik bagi mendapatkan data dari responden. Terdapat dua fasa proses pengumpulan data yang dijalankan iaitu pada kajian rintis dan kajian sebenar. Sebelum mengedarkan borang soal selidik untuk kajian rintis, pengkaji telah merujuk seorang pakar dari Jabatan Pengajian Melayu, IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang untuk menilai dan memeriksa setiap item yang terdapat dalam borang soal selidik dalam aspek format instrumen sesuai dan menarik, item mengukur domain yang dikehendaki, bahasa, saiz tulisan, jumlah item mencukupi, objektif dan arahan yang jelas serta ejaan yang betul. Pengkaji telah menggunakan borang Pengesahan Instrumen dan borang Akaun Menyemak Kesahan Kandungan Instrumen Soal Selidik untuk dinilai dan diperiksa oleh pakar mengikut aspek yang dinyatakan. Instrumen yang telah dapat pengesahan pakar ini digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian rintis.

Kajian sebenar dijalankan ke atas 198 orang populasi masyarakat orang Asli yang sedang dan pernah belajar di IPGKTAA dan IPGKIK dan seterusnya saiz populasi dikecilkan kepada saiz sampel mengikut Krejcie dan Morgan (1970) dalam jadual penentuan saiz sampel. Ini menjadikan jumlah sampel kajian ialah seramai 132 orang sahaja mengikut persampelan secara rawak. Setelah mengetahui saiz sampel, pengkaji mengedarkan borang soal selidik melalui platform *Google Form*. Tempoh masa yang diberikan oleh pengkaji kepada responden untuk menjawab soal selidik kajian ialah selama seminggu sahaja. Tempoh masa ini adalah mencukupi dan sesuai bagi responden untuk menjawab soalan soal selidik.

Pengkaji menggunakan soal selidik melalui platform *Google Form* kerana kekangan masa dan pematuhan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan oleh pihak kementerian berhubung dengan wabak Covid-19 yang melanda seluruh dunia kini. Terdapat kelebihan menggunakan soal selidik melalui platform ini iaitu dapat menjimatkan masa, kos dan tenaga serta pengkaji akan memperoleh data yang lebih tepat sekaligus memudahkan pengkaji untuk menganalisis data. Responden kajian juga dapat menjawab soal selidik dengan mudah hanya melalui telefon atau komputer riba tanpa perlu menjawab pada borang soal selidik.

Analisis Data

Dapatan kajian melalui data yang diperoleh dari responden yang telah menjawab soal selidik kajian akan dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Versi 23.0* berdasarkan analisis statistik deskriptif. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menjawab kesemua persoalan kajian. Analisis deskriptif yang menggunakan peratus dan taburan kekerapan, skor min dan sisihan piawai adalah paling sesuai digunakan agar penyelidik mendapat maklumat yang lebih luas dan menyeluruh, terperinci, dan tepat seperti mana yang dikehendaki dalam objektif kajian. Analisis ini juga diukur mengikut tahap interpretasi skor min berdasarkan Jadual 2.

JADUAL 2
Skor Purata dan Interpretasi Min


Skor min	Interpretasi min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber : Nooraini & Jamaludin (2017)

Berdasarkan Jadual 2, data kajian diinterpretasikan mengikut skor purata dan interpretasi min. Persoalan pertama dan kedua kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kesedaran ibu bapa terhadap kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Orang Asli berdasarkan analisis deskriptif. Analisis deskriptif ini menjelaskan tentang tahap kesedaran ibu bapa terhadap kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Orang Asli berdasarkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai.


DAPATAN KAJIAN

Pada bahagian A, terdapat 5 item iaitu jantina, umur, kelompok etnik (sukukaum), bahasa pertuturan di rumah dan pekerjaan ibu bapa.



Rajah 1: Jantina

Berdasarkan Rajah 1, taburan responden kajian mengikut kumpulan jantina menunjukkan bahawa bilangan responden perempuan yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 91 orang (68.9%) manakala bilangan responden lelaki adalah seramai 41 orang (31.1%).




Rajah 2: Umur

Berdasarkan Rajah 2, taburan responden menunjukkan bahawa bilangan responden yang berumur 18 hingga 20 tahun ialah seramai 17 orang (12.9%), 21 hingga 23 tahun ialah seramai 57 orang (43.2%), 24 hingga 27 tahun ialah seramai 49 orang, manakala bilangan 28 hingga 30 tahun ialah seramai 9 orang (6.8%).




Rajah 3: Kelompok Etnik (Suku Kaum)

Berdasarkan Rajah 3, taburan responden menunjukkan bahawa bilangan responden daripada kelompok etnik Melayu Proto ialah seramai 84 orang (63.6%) manakala bilangan responden kelompok etnik Senoi ialah seramai 48 orang (36.4%) dan kelompok etnik Negrito tidak ditunjukkan kerana bilangan respondennya ialah 0 orang dan mewakili 0% dalam data.



Rajah 4: Bahasa Pertuturan di Rumah

Berdasarkan Rajah 4, taburan responden menunjukkan bahawa bilangan responden yang menggunakan bahasa ibunda ialah seramai 101 orang (76.5%) manakala responden yang Bahasa Melayu di rumah ialah seramai 31 orang (23.5%). Bahasa pertuturan yang lain seperti bahasa Tamil dan Cina tidak mempunyai data responden dan kedua-dua bahasa ini mewakili 0% dalam data kajian.



Rajah 5. Pekerjaan Ibu Bapa

Berdasarkan Rajah 5, taburan responden menunjukkan bahawa ibu bapa yang bekerja di sektor kerajaan ialah seramai 28 orang (21.2%) manakala ibu bapa bekerja di sektor swasta ialah 15 orang (11.4%) dan ibu bapa yang bekerja sendiri ialah 89 orang (67.4%).

Soalan Kajian 1: Apakah Tahap Kesedaran Ibu Bapa Terhadap Kemahiran Berkomunikasi Menggunakan Bahasa Melayu dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli?

Bahagian ini akan menjelaskan perbincangan soalan kajian pertama. Pengkaji menggunakan analisis deskriptif dengan mentafsir data dalam bentuk skor min dan sisihan piawai dalam soal selidik. Analisis deskriptif dibuat melalui nilai skor responden untuk 9 item bagi bahagian B.

JADUAL 3

Taburan Responden Mengikut Keckerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Kesedaran Ibu Bapa Terhadap Kemahiran Berkomunikasi Menggunakan Bahasa Melayu dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli

Bil	Item	Skala					Min	SP
		1 (%)	2 (%)	3 (%)	4 (%)	5 (%)		
1	Ibu bapa berperanan utama bagi membantu masyarakat Orang Asli dalam berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu.	-	2	11	45	74	4.50	.693
			1.5	8.3	34.1	56.1		
2	Ibu bapa mempengaruhi kebolehan masyarakat Orang Asli untuk berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu.	-	5	9	47	71	4.44	.764
			3.8	6.8	35.6	53.8		
3	Ibu bapa perlu menggunakan Bahasa Melayu untuk berkomunikasi di rumah.	9	12	38	45	28	3.63	1.14
		6.8	9.1	28.8	34.1	21.2		.9
4	Ibu bapa perlu menggunakan Bahasa Melayu semasa berkomunikasi dengan masyarakat di kampung.	9	14	37	52	20	3.51	1.12
		6.8	10.6	28.0	39.4	15.2		.9
5	Ibu bapa perlu menggunakan kedua-dua bahasa ibunda dan Bahasa Melayu untuk berkomunikasi di rumah.	4	2	15	29	82	4.42	.949
		3.0	1.5	11.4	22.0	62.1		
6	Ibu bapa perlu fasih menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa berkomunikasi di rumah.	4	8	22	49	49	4.05	1.04
		3.0	6.1	16.7	37.1	37.1		.7
7	Ibu bapa perlu mendorong masyarakat Orang Asli untuk menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa untuk berkomunikasi.	3	3	18	49	59	4.26	.913
		2.3	2.3	13.6	37.1	44.7		
8	Ibu bapa perlu membimbing masyarakat Orang Asli dalam menggunakan Bahasa Melayu untuk berkomunikasi.	4	-	21	54	53	4.22	.90
		3.0		15.9	40.9	40.2		.2

9	Ibu bapa perlu memuji masyarakat Orang Asli yang bertutur menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi.	4	3	12	49	64	4.31	.94 2
		3.	2.3	9.1	37.1	48.5		
		0						
PURATA							4.147	.75
							Tinggi	0

Berdasarkan Jadual 3, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran ibu bapa terhadap kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Orang Asli adalah pada tahap yang tinggi $\mu=4.147$. Berdasarkan nilai skor min keseluruhan ini dapat membuktikan bahawa responden bersetuju dengan tahap kesedaran ibu bapa dapat meningkatkan lagi kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Seterusnya, dapatan kajian ini selari dengan kajian Dayang & Wan Muna (2016), Layang & Jamaludin (2018) dan Shahidi et al. (2018), yang membuktikan bahawa ibu bapa mempunyai peranan yang penting terhadap penguasaan bahasa kanak-kanak atau dalam konteks kajian ini ialah masyarakat Orang Asli terhadap kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu. Dapatan kajian-kajian ini juga menjelaskan bahawa ibu bapa dan keluarga yang mempunyai tahap kesedaran yang tinggi serta sikap yang positif terhadap pembelajaran bahasa kedua anak-anak iaitu Bahasa Melayu dapat menjadikan mereka lebih mahir dan fasih dalam berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu untuk pelbagai tujuan dalam kehidupan seharian terutamanya dalam aspek pembelajaran.

Soalan Kajian 2: Apakah Tahap Kesedaran Masyarakat Sekitar Terhadap Kemahiran Berkomunikasi Menggunakan Bahasa Melayu dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli?

Analisis deskriptif dibuat melalui nilai skor responden untuk 9 item bagi bahagian C bagi menjawab soalan kajian kedua.

JADUAL 4

Taburan Responden Mengikut Keperluan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Kesedaran Masyarakat Sekitar Terhadap Kemahiran Berkomunikasi Menggunakan Bahasa Melayu dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli

Bil.	Item	Skala					Min	SP
		1 (%)	2 (%)	3 (%)	4 (%)	5 (%)		
1	Rakan sebaya mempengaruhi masyarakat Orang Asli untuk berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu.	-	-	7	44	81	4.60	.578
				5.3	33.3	61.4		
2	Staf-staf sekolah mempengaruhi masyarakat Orang Asli untuk berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu.	1	-	10	49	72	4.51	.693
		0.8		7.6	37.1	54.5		
3	Pergaulan dengan masyarakat Melayu membantu masyarakat Orang Asli untuk berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu.	-	-	4	27	101	4.78	.467
				3.0	20.5	76.5		
4	Banyak menonton siaran Bahasa Melayu melalui televisyen dapat mempengaruhi kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Melayu bagi masyarakat Orang Asli.	-	1	5	37	89	4.66	.590
			0.8	3.8	28.0	67.4		

5	Menyertai pertandingan menggunakan Bahasa Melayu dapat meningkatkan keyakinan masyarakat Orang Asli berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu.	-	-	3	36	93	4.72	.499
				2.3	27.3	70.5		
6	Guru Bahasa Melayu mempengaruhi masyarakat Orang Asli untuk berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu.	-	-	4	26	102	4.78	.467
				3.0	19.7	77.3		
7	Berbual menggunakan Bahasa Melayu untuk berkomunikasi meningkatkan kefasihan masyarakat Orang Asli dalam Bahasa Melayu.	-	-	2	38	92	4.70	.490
				1.5	28.8	69.7		
8	Berbual menggunakan bahasa ibunda mempengaruhi kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu bagi masyarakat Orang Asli.	3	7	20	45	57	4.16	.987
		2.3	5.3	15.2	34.1	43.2		
9	Masyarakat sekeliling dapat mempengaruhi kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Melayu bagi masyarakat Orang Asli.	-	-	4	47	81	4.62	.532
				3.0	35.6	61.4		
PURATA							4.614	.375
Tahap : Tinggi								

Berdasarkan Jadual 4, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran masyarakat sekitar terhadap kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Orang Asli adalah pada tahap yang tinggi iaitu $\mu=4.614$. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian yang dijalankan Shahidi et al. (2018), yang menyatakan betapa besar pengaruh persekitaran terhadap pemerolehan bahasa murid. Hal ini kerana, dalam kajian Shahidi et al. (2018), murid-murid akan berasa malu dan risau untuk berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu kerana akan diejek oleh rakan-rakan yang lain. Oleh itu, guru, masyarakat lain dan rakan yang mewakili aspek masyarakat sekitar berperanan dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu. Tambahan lagi, Nora'azian & Fadzilah (2018) jelas menyokong dapatan kajian ini kerana persekitaran bahasa hendaklah dibentuk dan dicipta menggunakan pelbagai aktiviti yang melibatkan bahasa kedua.

KESIMPULAN

Kajian ini memberi impak kepada ibu bapa dan masyarakat sekitar yang telah menjadi pemboleh ubah utama dalam kajian kerana dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran kedua-dua pemboleh ubah ini adalah tinggi terhadap kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Orang Asli berdasarkan kepada data yang diperoleh. Ibu bapa dan masyarakat sekitar perlulah mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Tambahan lagi, perkara ini jelas memberikan impak kepada KPM dalam bidang pendidikan apabila murid yang mahir berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu mendapat prestasi yang baik dalam penilaian. Kesimpulannya, dapatan kajian ini memberi impak kepada banyak pihak kerana penguasaan Bahasa Melayu bukanlah perkara yang boleh dipandang remeh terutamanya bagi bukan penutur jati Bahasa Melayu seperti masyarakat Orang Asli.

Berdasarkan kepada dapatan kajian, pengkaji memberikan beberapa cadangan untuk kajian seterusnya yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji akan datang bagi memanjangkan hasil dapatan kajian yang diperoleh, iaitu pengkaji mencadangkan supaya skop kajian selanjutnya diperluaskan dengan melibatkan semua masyarakat Orang Asli Malaysia untuk mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai tahap kesedaran ibu bapa dan masyarakat sekitar terhadap kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Seterusnya, pengkaji mencadangkan agar kajian seterusnya menambah bilangan IPG yang mempunyai masyarakat Orang Asli bagi menjadikan bilangan polulasi lebih ramai supaya hasil dapatan

kajian yang diperoleh akan lebih tepat dan menyeluruh bagi skop kajian yang hendak dikaji. Akhir sekali, pengkaji mencadangkan supaya kajian selanjutnya mengkaji tahap kesedaran dalam aspek lain yang berkaitan seperti aspek sikap, minat, motivasi, dan sebagainya dengan kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu supaya menjadikan dapatan kajian lebih terperinci dan menyeluruh.

RUJUKAN

- Civil Society Voices. (2019). Bahasa-bahasa Orang Asal/Asli merupakan asas kepada identiti mereka. Aliran. Retrived from <https://aliran.com/civil-society-voices/bahasabahasa-orang-asal-asli-merupakan-asas-kepada-identiti-mereka-bm-eng/>
- Chew, F. P., (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10-22. Diakses daripada <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/113/110>
- Dayang Sufilkawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Muhammad. (2017). Pengaruh Faktor Sosial dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 74-84. Diakses daripada <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/135>
- Layang Ugek & Jamaludin Badusah. (2018). Amalan dan Masalah Pengajaran Literasi Bahasa Guru Bahasa Melayu Ketika Mengajar Murid Penan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 25-38. Diakses daripada <http://journalarticle.ukm.my/12595/>
- Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow, T.W. (2017). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen PenilaianKendiri Pembelajaran Geometri Tingkatan Satu. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Diakses daripada <http://mjli.uum.edu.my/images/pdf2/vol14no1jun17/9.-KESAHAN-DAN-KEBOLEHPERCAYAAN.pdf>. <https://doi.org/10.32890/mjli2017.14.1.9>.
- Noor Azam Abdul Rahman & Noraziah Mohd Amin. (2018). Petah Sebagai Alat Bantu Pengajaran Bahasa Melayu dalam Meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 2(2), 62-68. Retrived from <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/43195/1/43195.pdf>
- Nora'azian Nahar & Fadzilah Abd. Rahman. (2018). Tahap Penguasaan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (1), 74-83. Retrived from <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/169>
- Noriati A. Rashid, Boon. P.Y., Sharifah Fakhriah Syed Ahmad & Zuraidah A. Majid. (2017). *Budaya dan Pembelajaran (Edisi Kedua)*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Pusat Pembangunan Akademik. (2018). Buku Panduan Penyelidikan Tinjauan. Selangor: Institut Pendidikan Guru Malaysia. Retrived from http://mail.ipg.edu.my/bpanduan/tinjauan/Penyelidikan_tinjauan.pdf
- Shahidi A.H, Nor Azwahanum Nor Shaidd, Mohd Sharifudin Yusop, Marlyna Maros, & Rahim Aman. (2018). Fenomena Sosiobudaya Orang Asli Kanaq dalam Penguasaan Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 15(5),146-156. Retrived from <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/29288/8742>